



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>

## KOPERKASA LAKSANA PROJEK PEMBINAAN TAMAN PERUMAHAN DI MATANG



Dari kiri: Haji Jaya Suria Bin Muss (Pengurus Besar Koperkasa), Zaidi Bin Pathi (Anggota Lembaga Koperkasa), Fathi Bin Haji Hambali (Pengerusi Koperkasa), YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Zohari Bin Tun Abang Haji Openg (Premier Sarawak), Othman Bin Bujang (Setiausaha Koperkasa), Yong Ing Thung (Bendahari Koperkasa) dan James Hii Sing Lung (Ketua Pegawai Eksekutif Green Summit Development Sdn Bhd.)

5 Oktober 2022 – Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad sedang membangunkan lebih 800 unit rumah kediaman serta 20 unit bangunan komersil dalam satu projek pembinaan taman perumahan di kawasan Matang, Petra Jaya.

Projek tersebut yang mengandungi 5 fasa akan mengambil masa pembinaan dalam 5 tahun dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2028.

Perkembangan projek tersebut telah dimaklumkan oleh Fathi Bin Haji Hambali, Pengerusi Koperkasa kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Zohari Bin Tun Abang Haji Openg, Premier Sarawak dalam satu kunjungan hormat yang diadakan pada hari Jumaat, 30 September 2022.

Pertemuan yang berlangsung sekitar jam 9:30 pagi itu telah diadakan di Dewan Undangan Negeri Sarawak, Tingkat 5, Petra Jaya, Kuching.


Dalam kunjungan hormat tersebut, Koperkasa juga diwakili oleh Othman Bin Bujang (Setiausaha Koperkasa), Yong Ing Thung (Bendahari Koperkasa), Zaidi Bin Pathi (Anggota Lembaga Koperkasa) dan Haji Jaya Suria Bin Muss (Pengurus Besar Koperkasa).

Turut sama hadir adalah James Hii Sing Lung yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif kepada syarikat pemaju Green Summit Development Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Koperkasa untuk membangunkan projek pembinaan taman perumahan tersebut.

Dalam pertemuan tersebut, Fathi Hambali juga memaklumkan kepada YAB Premier Sarawak mengenai perkembangan semasa Koperkasa.

Sejak pentadbiran Anggota Lembaga terkini, Koperkasa telah membuat pelbagai penambahbaikan dari segi perniagaan, pengurusan dan kemudahan kepada anggotanya.

Koperkasa juga mampu untuk memberikan pulangan tahunan yang kompetitif kepada anggota-anggotanya walaupun dalam keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan ekoran pelbagai tekanan yang disebabkan pandemik Covid-19 sejak dari tahun 2020.



Dalam satu temu ramah oleh pihak media selepas kunjungan hormat, Fathi Hambali memaklumkan satu majlis pecah tanah untuk projek pembinaan taman perumahan tersebut akan diadakan dalam bulan November 2022 yang akan dilancarkan oleh YAB Premier Sarawak.

Projek Pembinaan taman perumahan ini dibuka kepada kumpulan sasar iaitu golongan B40 termasuk anggota Koperkasa. Selain itu, diskaun khas juga dicadang untuk diberikan kepada pembeli di kalangan anggota Koperkasa, tambah beliau.



Pembinaan rumah yang terbahagi mengikut blok sedang giat dalam pembinaan dan beberapa rumah telah didirikan dapat dilihat di kawasan pembinaan tersebut (gambar).

Selain itu juga, Koperkasa bersama pihak pemaju juga telah memaklumkan cadangan pembinaan taman rekreasi dan bangunan yang akan mengandungi 200 unit rumah apartmen di kawasan yang sama.

Dengan adanya taman rekreasi itu, ianya boleh dimanfaatkan oleh semua penduduk setempat untuk aktiviti riadah atau sosial.

Cadangan tersebut telah disambut baik oleh YAB Premier Sarawak dan Koperkasa bersama pihak pemaju akan menyediakan cadangan lengkap untuk diserahkan kepada pihak berwajib.